

Headline **MODENAS redah benua**
Date **14 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **480 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,147**
PRValue **63,441**



MODENAS redah benua

Tujuh pemuda Itali tunggang motosikal tempatan rentas empat negara



DINO (tiga dari kanan) bersama enam rakannya.

Rosli Abdul Jalil

KESEDARAN membantu golongan kurang bernasib baik mendorong tujuh pemuda dari Itali melakukan kembara bermotosikal merentas empat negara dari Malaysia ke Saigon, Vietnam dalam misi yang bermula, Sabtu lalu.

Lebih menarik, kembara sejauh kira-kira 4,000 kilometer itu menggunakan motosikal buatan tempatan, syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS), iaitu GT128 dan CT110.

Ketua konvoi, Dino Pozatto, 37, berkata beliau tertarik untuk mendapatkan penajaan MODENAS kerana yakin dengan kemampuan motosikal buatan tempatan.

"Konvoi itu bukan setakat menguji

ketahanan mental dan fizikal, malah kemampuan motosikal juga akan teruji kerana terpaksa melalui pelbagai bentuk muka bumi yang berbeza.

"Saya tidak pernah menggunakan motosikal ini sebelum ini, tetapi yakin dengan kemampuannya," katanya yang ditemui pada majlis MODENAS bersama media, di Pantai Cherating minggu lalu.

Konvoi itu bagi mengisi tabung New Hope for Cambodian Children (NHCC), sebuah pertubuhan yang memberi perlindungan kepada kira-kira 1,000 kanak-kanak dan ahli keluarga mereka yang dijangkiti HIV/AIDS.

Dino yang sudah lebih 10 tahun bermastautin di Malaysia dan boleh

berbahasa Melayu, bukanlah asing di negara ini kerana turut mengusahakan sebuah restoran makanan Itali di ibu negara.

Malah, beliau pernah mengikuti pengajian dalam jurusan ekonomi dan pentadbiran perniagaan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1996 dan mengikuti pengajian di Universiti Malaya pada 1997.

Dino berkata, idea melakukan kembara bukan sesuatu yang baru kerana beliau bersama rakannya pernah terbabit dalam beberapa aktiviti amal sebelum ini seperti Mongo Rally di Eropah dan merentasi Asia Tengah dengan menggunakan pelbagai ken-

Headline **MODENAS redah benua**
Date **14 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **480 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,147**
PRValue **63,441**

deraan.

Anggota lain dalam konvoi bermotosikal yang dijangka mengambil masa selama 23 hari itu ialah Loris Tartaglia, Renato Izzolino, Andrea Caprara, Umberto Marinello, Simone Manotto dan Gian Sandro Campi. Mereka memiliki latar belakang profesion berbeza termasuk sebagai jurutera automotif, ahli farmasi, pengurus pengiklanan, peguam, ahli korporat dan ahli ekologi.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran MODENAS, Amir Abu Bakar, berkata keprihatinan yang ditunjukkan kumpulan pemuda Itali itu menarik minat syarikat untuk menaja tujuh motosikal yang akan digunakan sepanjang kembara.

"Ia akan menguji ketahanan dan kemampuan motosikal buatan tem-

patan untuk melakukan perjalanan jauh yang begitu mencabar kerana mereka terpaksa melalui pelbagai bentuk muka bumi untuk sampai ke destinasi.

"Kami tertarik dengan idea itu kerana kepercayaan yang diberikan Dino membuktikan motosikal buatan tempatan setara atau lebih baik berbanding motosikal buatan luar negara," katanya.

Ia akan menguji ketahanan dan kemampuan motosikal buatan tempatan untuk melakukan perjalanan jauh yang begitu mencabar"



Amir Abu Bakar
Pengurus Pemasaran MODENAS

